



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 11 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	MALAYSIA CARE STRATEGIC FRAMEWORK AND ACTION PLAN 2026-2030 TO BOOST WOMEN'S WORKFORCE PARTICIPATION		POSITIF
	https://www.theborneopost.com/2025/11/10/malaysia-care-strategic-framework-and-action-plan-2026-2030-to-boost-womens-workforce-participation/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/10/malaysia-care-dijangka-tarik-lebih-ramai-wanita-kembali-ke-pasaran-kerja	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://dayakdaily.com/malaysia-care-framework-aims-to-empower-care-economy-boost-womens-workforce-participation/	DAYAKDAILY.COM	
	https://suarasarawak.my/nancy-shukri-tekad-perkasa-penjaga-demi-kesejahteraan-rakyat/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	GOLONGAN OKU DIGESA DAFTAR DENGAN JKM UNTUK NIKMATI KEMUDAHAN DAN PELUANG		POSITIF
	https://suarasarawak.my/golongan-oku-digesa-daftar-dengan-jkm-untuk-nikmati-kemudahan-dan-peluang/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SAMBUTAN HARI OKU TINGKAT KESEDARAN, ERAT PERANAN KOMUNITI SOKONG GOLONGAN ISTIMEWA		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/10/sambutan-hari-oku-tingkat-kesedaran-erat-peranan-komuniti-sokong-golongan-istimewa	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PENYERTAAN WANITA BERPOTENSI SUMBANG 12 PERATUS KEPADA KDNK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/penyertaan-wanita-berpotensi-sumbang-12-peratus-kepada-kdnk	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/11/1469767/penyertaan-wanita-mampu-pacu-kdnk-hingga-12-peratus	BHARIAN.COM.MY	POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/lebih-34-peratus-jawatan-lembaga-pengarah-disandang-wanita/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ROHAYU DICARI BANTU PERBICARAAN KES SEKSUAL KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/10/rohayu-dicari-bantu-perbicaraan-kes-seksual-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2489113	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dicari-bantu-perbicaraan-kes-seksual-terhadap-kanakkanak-546933	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/10/polis-cari-rohayu-bantu-siasatan-kes-seksual-kanak-kanak/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	REMAN JIRAN ROGOL REMAJA 13 TAHUN DISAMBUNG 5 HARI LAGI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/10/remman-jiran-rogol-remaja-13-tahun-disambung-5-hari-lagi/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1286169/lelaki-disyaki-rogol-remaja-di-rawang-disambung-reman	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/10/lelaki-rogol-remaja-13-tahun-disambung-reman-5-hari-lagi/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Malaysia Care Strategic Framework and Action Plan 2026-2030 to boost women's workforce participation

BY JUDE TOYAT ON NOVEMBER 10, 2025, MONDAY AT 1:20:41 PM

SARAWAK



Nancy (seated centre) in a group photo with members of the local media fraternity during the event last night. – Photo by Roystein Emmor

KUCHING (Nov 10): The Malaysia Care Strategic Framework and Action Plan 2026-2030, which will be implemented starting next year, is expected to help more women return to the workforce, thereby contributing to the nation's economic growth.

Minister of Women, Family and Community Development Dato Sri Nancy Shukri said the plan aims to strengthen the provision of quality and inclusive care services for the community.

"This plan builds an inclusive care ecosystem from infancy to old age, covering both family caregivers and professional carers.

"We want care work to be seen not as a burden, but as a valuable sector that contributes to the economy and family wellbeing," she said at the Sarawak Media Night 2025 organised by her ministry with collaboration from the Kuching Division Journalists Association (KDJA) at a hotel here last night.

Nancy explained that, with the support of Budget 2026, the ministry will strengthen Technical and Vocational Education and Training (TVET) for caregivers, upgrade care centres, and expand the 'childcare at work' initiative.

At the same time, tax incentives will also be given to employers who provide childcare and eldercare facilities, as encouragement for women's participation in the workforce.

She encouraged more women to join the Women's Leadership Apprenticeship Programme (Perantis), which serves as a platform to empower women's participation in leadership, social, political, and economic sectors.

"Last year, we mentored more than 1,200 participants together with prominent women figures. God willing, this year, several representatives from Sarawak will also be part of this women's apprenticeship programme.

"I am proud that more Sarawakian women are now setting examples in community leadership, social entrepreneurship, and the media—proving that women's voices are not only meant to be heard, but to be taken seriously," she said.

She added that this effort is part of the ministry's commitment to increase women's representation to at least 30 per cent across various levels of leadership in the private sector and other key sectors in the country.

The Perantis Women Programme is implemented under the National Women's Policy and the Women's Development Action Plan.

During the event, Nancy also celebrated 100 media practitioners in Sarawak and expressed appreciation for the media's role in delivering accurate information about the ministry's policies and initiatives to the public.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Noorazah menyantuni masyarakat yang hadir pada Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Sri Aman di sini, semalam. | FOTO: UKAS

Golongan OKU digesa daftar dengan JKM untuk nikmati kemudahan dan peluang

SRI AMAN: Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) diingatkan supaya tampil mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membolehkan mereka menikmati pelbagai kemudahan serta peluang yang disediakan oleh kerajaan dan sektor swasta.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lingga, Dayang Noorazah Awang Schor berkata, pendaftaran dengan JKM amat penting bagi memastikan golongan OKU dikenal pasti dan dapat dibantu.



Noorazah menyempurnakan gimik pelancaran sambutan tersebut. | FOTO: UKAS

"Ini memudahkan mereka menerima bantuan, khususnya dari segi pendidikan, pekerjaan dan kebajikan.

"Bahagian Sri Aman mempunyai empat buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) iaitu di Sri Aman, Lingga, Stumbin dan Batang Ai yang memainkan peranan penting dalam memberikan latihan serta pemulihan awal kepada kanak-kanak OKU," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Sri Aman 2025 yang berlangsung di Dewan Suarah Sri Aman, baru-baru ini.

Menurut Noorazah, setakat Disember 2024, seramai 751,421 individu OKU telah berdaftar di bawah Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU) di seluruh negara.

"Bagi Bahagian Sri Aman, sebanyak 708 individu OKU telah mendaftar dari tahun 2020 hingga Oktober 2025," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berharap agar sambutan seumpama ini menjadi platform berterusan bagi membentuk masyarakat MADANI yang prihatin, memahami serta menghormati hak-hak golongan istimewa.

"Usaha ini penting agar mereka tidak berasa tersisih dan terus mampu menyumbang kepada pembangunan negara," jelasnya.

Sambutan berkenaan dianjurkan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Sri Aman bagi meraikan insan istimewa selain meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keterangkuman golongan OKU dalam pembangunan negara.

Majlis turut diserikan dengan penyertaan pelajar Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Aman, SMK Lingga, serta wakil dari Bahagian Betong.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sambutan Hari OKU tingkat kesedaran, erat peranan komuniti sokong golongan istimewa

🕒 November 10, 2025, Isnin - 1:56pm



Kelihatan Sagah (kiri) bersalaman mesra dengan hadirin yang hadir pada majlis tersebut, hari ini. - Gambar UKAS

SIBURAN: Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) perlu dilihat sebagai platform penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat serta mengukuhkan sokongan terhadap golongan istimewa di negeri ini.

Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn berkata, sambutan tersebut juga merupakan bentuk penghargaan terhadap kemampuan dan sumbangan pertubuhan sukarela kebajikan yang bernaung di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Sambutan ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), ibu bapa, petugas serta komuniti setempat di Kampung Stabut khususnya.

"Program ini dirancang dengan objektif yang jelas iaitu meningkatkan kesedaran mengenai peranan pertubuhan sukarela kebajikan PPDK Serian, PPDK Hidup Mesra Teng Bukap dan PPDK Bestari Siburan kepada masyarakat, mengurangkan diskriminasi terhadap golongan OKU dan memupuk rasa kasih sayang dalam komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Sambutan Hari OKU Peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Serian 2025 di Tebingan Sungai Kampung Stabut, Padawan, hari ini.

Sagah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tarat menegaskan bahawa golongan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat yang mempunyai potensi dan bakat tersendiri, yang boleh dikembangkan melalui peluang dan sokongan sewajarnya.

Menurutnya, Kerajaan Sarawak komited memperkasakan golongan berkenaan melalui dasar dan program di pelbagai peringkat yang memberi tumpuan kepada pendidikan, latihan kemahiran, pekerjaan serta pembangunan sosial.

"Kita mahu membentuk sebuah masyarakat inklusif, di mana setiap individu tanpa mengira keupayaan mempunyai peluang untuk menyumbang kepada pembangunan negeri dan menikmati kemajuan bersama," jelasnya.

Beliau menambah, pendidikan inklusif di bawah kementeriannya akan terus diberi penekanan supaya anak-anak OKU tidak tercicir dalam pendidikan dan dapat mengembangkan potensi masing-masing.

Turut hadir Timbalan Pengarah JK (Persekutuan) Ali Taib, wakil Residen Bahagian Serian Mohamad Rashdan Hazemi dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Serian Robert Jullong Begat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penyertaan wanita berpotensi sumbang 12 peratus kepada KDNK

Ekonomi - Dicipta: 10 November 2025 02:52 PM



Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan

KUALA LUMPUR, 10 November -Peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja dijangka menyumbang antara 7 hingga 12 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, penglibatan aktif golongan itu merupakan strategi penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi mampan bawah kerangka Ekonomi MADANI.

"Seperti yang digariskan dalam tujuh sasaran jangka sederhana Ekonomi MADANI, antara indikator prestasi utama ialah meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja kepada 60 peratus.

Kerajaan amat prihatin dan sentiasa menggalakkan wanita kembali ke bidang pekerjaan, khususnya dalam pasaran modal hari ini," katanya.

Bellau berkata demikian selepas merasmikan Program investED for Returning Women anjuran Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) di sini, hari ini.

Lim menjelaskan, kerajaan sentiasa proaktif memperkukuh peranan wanita dalam pasaran kerja.

Antaranya, melalui pengecualian cukai pendapatan individu selama 12 bulan kepada wanita yang kembali bekerja, yang kini dilanjutkan hingga 31 Disember 2027.

Program investED for Returning Women bertujuan menyokong wanita kembali ke sektor pasaran modal selepas berehat daripada kerjaya.

Ia merangkumi latihan profesional, bimbingan (mentorship) serta penempatan industri, dengan keutamaan kepada wanita berumur bawah 50 tahun yang berpengalaman dalam pasaran modal atau syarikat tersenarai awam.

Setakat ini, lebih 600 permohonan diterima sejak program dibuka bulan lalu, mencerminkan minat tinggi dalam kalangan wanita untuk kembali ke dunia profesional secara lebih tersusun dan berstruktur.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI



Gambar hiasan

Rohayu dicari bantu perbicaraan kes seksual kanak-kanak

Oleh MOHD. FAHMI ISMAIL 10 November 2025, 3:24 pm

PETALING JAYA – Polis Kuala Lumpur sedang mengesan seorang wanita bagi membantu perbicaraan kes di Mahkamah Sesyen Jenayah 1 berkaitan laporan polis Dang Wangi.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus berkata, keterangan saksi berkenaan diperlukan bagi perbicaraan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, yang sedang berlangsung.

“Individu yang dicari ialah Rohayu Ithnin, pemegang kad pengenalan 801228-14-5776, beralamat di No. 68A, Jalan Hamzah, Kampung Baru, 50300 Kuala Lumpur,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, mana-mana individu yang mempunyai maklumat mengenai wanita tersebut diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-Kanak, Inspektor. Amiza Alig di talian 011-2653 0413. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI



Gambar hiasan

Reman jiran rogol remaja 13 tahun disambung 5 hari lagi

Oleh MOHD. FAHMI ISMAIL 10 November 2025, 11:44 pm

GOMBAK – Tempoh reman seorang lelaki berusia 54 tahun yang didakwa merogol remaja perempuan berusia 13 tahun di Bandar Tasik Puteri, Rawang disambung lima hari lagi sehingga 13 November ini.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, perintah sambung reman itu dikeluarkan mahkamah selepas tempoh tahanan suspek berakhir semalam.

"Kita telah mendapat sambungan reman lima hari lagi bermula hari ini dan suspek dijangka akan dituduh dalam minggu ini yang akan dimaklumkan kemudian," katanya dalam kenyataan ringkas malam ini.

Kosmo! sebelum ini melaporkan mangsa dipercayai telah dirogol oleh seorang lelaki yang dikenalnya yang juga penduduk kawasan kejiranan terbabit, namun semakan mendapati suspek tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau.

Menurutnya, suspek telah direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan. – KOSMO! ONLINE